Pihak sekolah berupaya mendapatkan maklum balas yang lengkap dalam bentuk data kualitatif dan kuantitatif. Maklumat yang diperolehi membolehkan pihak yang bertanggungjawab mengenali, memahami, menghargai, serta mengiktiraf murid sebagai insan yang berguna, penting dan mempunyai potensi untuk menyumbang kepada pembangunan negara dan bangsa.

Pentaksiran bagi setiap kelompok Standard Kandungan boleh dijalankan dengan menggunakan Standard Prestasi sebagai skala



rujukan guru bagi menentukan tahap penguasaan MBK bagi Standard Kandungan yang ditetapkan.

Standard Prestasi menunjukkan enam Tahap Penguasaan (TP) yang merujuk kepada aras penguasaan yang disusun secara hieraki, dan diguna bagi tujuan pelaporan. Pentaksiran yang

dilaksanakan seharusnya mengintegrasikan kandungan, kemahiran dan nilai untuk melihat sejauh mana murid menguasai Standard Kandungan tertentu secara holistik. Jadual 3 dan 4 menyenaraikan maksud dan tafsiran umum tentang setiap tahap penguasaan bagi komponen Pendidikan Jasmani dan komponen Pendidikan Kesihatan Tingkatan 2.

Jadual 3: Tafsiran Umum Tahap Penguasaan Komponen Pendidikan Jasmani Tingkatan 2.

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN UMUM
1	Murid boleh meniru atau melakukan kemahiran asas, kemahiran pergerakan atau aktiviti kecergasan fizikal yang ditunjukkan atau tahu perkara asas tentang sesuatu kemahiran yang akan dilakukan.
2	Murid boleh melakukan kemahiran pergerakan dan aktiviti kecergasan fizikal serta menyatakan pengetahuan berkaitan fakta, konsep dan prosedur bagi sesuatu kemahiran atau aktiviti kecergasan.
3	Murid boleh mengingat semula dan mengaplikasikan pengetahuan berkaitan fakta, konsep, prinsip, prosedur, strategi, teknik dan maklumat semasa melakukan sesuatu kemahiran atau aktiviti kecergasan.
4	Murid boleh mengaplikasikan pengetahuan berkaitan fakta, konsep, prinsip, prosedur, strategi, teknik dan maklumat semasa melakukan sesuatu kemahiran atau aktiviti kecergasan dengan turutan yang betul atau mengikut prosedur yang sistematik.
5	Murid boleh merancang sesuatu aktiviti yang baharu atau mengimprovisasi berdasarkan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari untuk meningkatkan penguasaan kemahiran dan tahap kecergasan fizikal, melakukan aktiviti tersebut secara tekal dan mempamerkan kemahiran interpersonal (kemahiran insaniah).
6	Murid boleh membuat justifikasi berdasarkan strategi untuk meningkatkan prestasi dalam kemahiran, kecergasan dan mempamerkan kemahiran interpersonal serta boleh mempraktikkan kemahiran tersebut ke arah gaya hidup sihat untuk kesejahteraan.

Jadual 4: Tafsiran Umum Tahap Penguasaan Komponen Pendidikan Kesihatan Tingkatan 2.

TAHAP PENGUASAAN	TAFSIRAN UMUM
1	Mengetahui asas kesihatan fizikal, mental, emosi, sosial, dan persekitaran.
2	Memahami aspek kesihatan fizikal, mental, emosi, sosial, dan persekitaran.
3	Mengaplikasi kemahiran mengurus kesihatan fizikal, mental, emosi, sosial, persekitaran dan keselamatan diri.
4	Menganalisis aspek kesihatan fizikal, mental, emosi, sosial, persekitaran dan keselamatan diri serta keluarga.
5	Menilai cara mengurus kesihatan ke arah kehidupan yang positif dan sihat melalui kemahiran kecekapan psikososial.
6	Menjana idea untuk mengadaptasi permintaan dan cabaran kehidupan harian, meningkatkan literasi kesihatan, serta mengamalkan gaya hidup sihat.

## ORGANISASI KANDUNGAN

KSSM Pendidikan Khas Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan Tingkatan 2 diorganisasikan seperti berikut.

1. Pendidikan Jasmani
  - (i) Kemahiran
  - (ii) Kecergasan
2. Pendidikan Kesihatan
  - (i) Kesihatan Diri dan Reproduktif
  - (ii) Penyalahgunaan Bahan
  - (iii) Pengurusan Mental dan Emosi
  - (iv) Kekeluargaan
  - (v) Perhubungan
  - (vi) Penyakit
  - (vii) Keselamatan
  - (viii) Pemakanan
  - (ix) Pertolongan Cemas

Bagi tujuan p&p dalam Pendidikan Jasmani Modul Kemahiran, guru menggunakan Aspek 1, Aspek 2 dan Aspek 5 secara serentak. Manakala untuk pengajaran Modul Kecergasan, guru menggunakan Aspek 3, Aspek 4 dan Aspek 5 secara serentak.

Pendidikan Jasmani terdiri daripada domain psikomotor, afektif dan kognitif seperti berikut:

### **Aspek 1 : Kemahiran Pergerakan (Psikomotor)**

Murid menguasai pelbagai corak pergerakan dan kemahiran motor yang diperlukan untuk melakukan pelbagai aktiviti fizikal melalui:-

1. Gimnastik asas.
2. Pergerakan berirama.
3. Kemahiran asas permainan kategori serangan, jaring dan memadam.
4. Olahraga asas yang melibatkan kemahiran asas lumba jalan kaki, lompat jauh dan merejam lembing.
5. Rekreasi dan kesenggangan.

### **Aspek 2 : Aplikasi Pengetahuan Dalam Pergerakan (Kognitif)**

Murid dapat mengaplikasikan pengetahuan mengenai konsep, prinsip dan strategi pergerakan dalam pembelajaran serta mengembangkan kemahiran motor dalam melaksanakan aktiviti fizikal yang melibatkan:-

1. Gimnastik asas.
2. Pergerakan berirama.
3. Permainan:

- 3.1.1 Kategori serangan yang melibatkan bola baling, dan ragbi sentuh.
- 3.1.2 Kategori jaring yang melibatkan sepak takraw.
- 3.1.3 Kategori memadam yang melibatkan kriket.
- 4. Olahraga asas yang melibatkan kemahiran asas lumba jalan kaki, lompat jauh dan merejam lembing.
- 5. Rekreasi dan kesenggangan.

**Aspek 3 : Kecergasan Meningkatkan Kesihatan (Psikomotor)**

Murid berkeupayaan meningkatkan dan mengekalkan tahap kecergasan untuk kesihatan dan prestasi fizikal yang melibatkan:-

- 1. Konsep kecergasan.
- 2. Komponen kecergasan berasaskan kesihatan iaitu kapasiti aerobik, kelenturan, kekuatan dan daya tahan otot, dan komposisi badan.
- 3. Pentaksiran kecergasan melalui ujian SEGAK

**Aspek 4 : Aplikasi Pengetahuan Meningkatkan Kecergasan. (Kognitif)**

Murid dapat mengaplikasikan pengetahuan berkaitan konsep, prinsip dan strategi meningkatkan kecergasan untuk kesihatan dan prestasi fizikal yang melibatkan:

- 1. Konsep kecergasan.

- 2. Komponen kecergasan berasaskan kesihatan iaitu kapasiti aerobik, kelenturan, kekuatan dan daya tahan otot, dan komposisi badan.
- 3. Pentaksiran kecergasan melalui ujian SEGAK

**Aspek 5: Kesukanan (Afektif)**

Murid berkeupayaan mengukuhkan amalan Pendidikan Jasmani menerusi elemen keselamatan, konsep, sosiologi dan psikologi, prinsip dan strategi untuk melakukan aktiviti fizikal dengan berkesan yang melibatkan:-

- 1. Pengurusan dan keselamatan.
- 2. Tanggungjawab sendiri.
- 3. Interaksi sosial.
- 4. Dinamika kumpulan.
- 5. Etika dalam sukan.

Organisasi KSSM Komponen Pendidikan Kesihatan disusun mengikut tiga elemen utama iaitu:

**1. Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEERS)**

Elemen ini menekankan aspek kesihatan diri dan reproduktif, penyalahgunaan bahan, kemahiran pengurusan mental dan emosi, kekeluargaan, perhubungan, pencegahan penyakit, dan keselamatan.

## 2. Pemakanan

Elemen ini menekankan aspek pemakanan yang seimbang, amalan makan secara sihat, penyediaan hidangan, keselamatan dan kualiti makanan.

## 3. Pertolongan Cemas

Elemen ini menekankan aspek pertolongan cemas untuk menyelamatkan nyawa, mengelakkan kecederaan menjadi lebih parah dan mengurangkan kesakitan sebelum bantuan rawatan perubatan seterusnya diberi kepada mangsa.

Jadual 5 dibawah menunjukkan komponen kemahiran dan kecergasan dalam Pendidikan Jasmani serta komponen-komponen dalam Pendidikan Kesihatan.

Jadual 5: Komponen Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan

<b>Pendidikan Jasmani</b>	<b>Kemahiran</b>	Gimnastik Asas	
		Pergerakan Berirama	
		Kemahiran Asas Permainan – Kategori Serangan	Bola Baling Ragbi Sentuh
		Kemahiran Asas Permainan – Kategori Jaring	Sepak Takraw
		Kemahiran Asas Permainan – Kategori Memadang	Kriket
		Olahraga Asas	
	Rekreasi dan Kesenggangan		
	<b>Kecergasan</b>	Komponen Kecergasan	
	<b>Pendidikan Kesihatan</b>	Kesihatan Diri dan Reproduktif	
		Penyalahgunaan Bahan	
Pengurusan Mental dan Emosi			
Kekeluargaan			
Perhubungan			
Penyakit			
Keselamatan			
Pemakanan			
Pertolongan Cemas			

Kandungan kurikulum ini disusun di bawah lajur Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi yang perlu dicapai oleh murid. Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran mengandungi elemen pengetahuan, kemahiran dan nilai. Jadual 6 di bawah memberikan tafsiran Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi.

Jadual 6: tafsiran Standard Kandungan, Standard Pembelajaran dan Standard Prestasi.

Standard Kandungan	Standard Pembelajaran	Standard Prestasi
Penyataan spesifik tentang perkara yang murid patut ketahui dan boleh lakukan dalam suatu tempoh persekolahan merangkumi aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai.	Suatu penetapan kriteria atau indikator kualiti pembelajaran dan pencapaian yang boleh diukur bagi setiap standard kandungan.	Suatu set kriteria umum yang menunjukkan tahap-tahap prestasi yang perlu murid pamerkan sebagai tanda bahawa sesuatu perkara itu telah dikuasai murid.

### Adaptasi Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan

Proses pelaksanaan kurikulum perlu mengambil kira kepelbagaian kebolehan dan keupayaan individu. Bagi memenuhi keperluan individu, pengajaran dan pembelajaran di sekolah dan

Program Pendidikan Khas dibentuk secara fleksibel selaras dengan Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas) 2013, 8.(1)(c) yang menyatakan;

....seseorang guru boleh membuat pengubahsuaian kepada:

- i. kaedah atau teknik pengajaran dan pembelajaran
- ii. masa yang diperuntukkan bagi setiap aktiviti
- iii susunan aktiviti; dan
- iv bahan bantu mengajar

..... apa-apa pengubahsuaian yang dibuat di bawah perenggan (1)(c) hendaklah mengikut Kurikulum Pendidikan Khas.

Oleh yang demikian, guru-guru digalakkan untuk mengubahsuaikan p&p apabila diperlukan dan berdasarkan keupayaan murid tanpa menjejaskan bentuk permainan dan keseronokan semasa ia dijalankan.

### Peruntukan Waktu

Bagi tujuan pengajaran Kurikulum Pendidikan Jasmani dan Pendidikan Kesihatan, masa yang diperuntukan adalah sebanyak 1.5 jam seminggu dimana 1 jam untuk Pendidikan Jasmani dan 0.5 waktu untuk Pendidikan Kesihatan.

# DOKUMEN STANDARD KURIKULUM DAN PENTAKSIRAN

## **PENDIDIKAN JASMANI**





**KEMAHIRAN**



**GIMNASTIK ASAS**

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
<b>ASPEK 1: KEMAHIRAN PERGERAKAN (DOMAIN PSIKOMOTOR)</b>	
<p><b>Kemahiran Hambur dan Melombol</b></p> <p>1.1 Melakukan kemahiran hambur dan melombol dengan lakuan yang betul.</p>	<p>1.1.1 Menghambur dengan kaki ke atas peti lombol dan mendarat.</p> <p>1.1.2 Melakukan kemahiran melombol menggunakan tangan di atas peti lombol.</p>
<b>ASPEK 2: APLIKASI PENGETAHUAN DALAM PERGERAKAN (DOMAIN KOGNITIF)</b>	
<p><b>Pengetahuan dalam Kemahiran Hambur dan Melombol</b></p> <p>2.1 Mengaplikasi pengetahuan konsep pergerakan dan prinsip mekanik semasa melakukan kemahiran hambur dan melombol.</p>	<p>2.1.1 Menjelaskan perkaitan antara daya dan ketinggian lonjakan semasa melakukan hambur.</p> <p>2.1.2 Menerangkan cara melepasi peti lombol semasa melombol.</p>
<b>ASPEK 5: KESUKANAN (DOMAIN AFEKTIF)</b>	
<p><b>Pengurusan dan Keselamatan</b></p> <p>5.1 Mematuhi dan mengamalkan elemen pengurusan dan keselamatan.</p> <p><b>Tanggungjawab Kendiri</b></p> <p>5.2 Menunjukkan keyakinan dan tanggungjawab sendiri semasa melakukan aktiviti fizikal.</p>	<p>5.1.1 Mengenal pasti peralatan keselamatan yang boleh mengurangkan risiko kecederaan berdasarkan aktiviti fizikal tertentu.</p> <p>5.1.2 Mengenal pasti aktiviti yang selamat dan berisiko semasa melakukan aktiviti secara individu dan berkumpulan.</p> <p>5.2.1 Mengambil bahagian dalam aktiviti secara aktif.</p> <p>5.2.2 Menerima tanggungjawab ahli kumpulan semasa melakukan aktiviti fizikal.</p> <p>5.2.3 Menetapkan matlamat sendiri dalam melakukan aktiviti.</p>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
<p>5.3 <b>Interaksi Sosial</b> Berkomunikasi dalam pelbagai cara semasa melakukan aktiviti fizikal.</p> <p>5.4 <b>Dinamika Kumpulan</b> Membentuk kumpulan dan bekerjasama dalam kumpulan semasa melakukan aktiviti fizikal.</p> <p>5.5 <b>Etika Dalam Sukan</b> Memahami dan mengaplikasi etika dalam sukan semasa melakukan aktiviti fizikal.</p>	<p>5.2.4 Menunjukkan keyakinan semasa melakukan aktiviti fizikal.</p> <p>5.3.1 Berinteraksi secara positif dalam melakukan aktiviti tanpa mengira perbezaan individu.</p> <p>5.3.2 Mempamer keseronokan semasa melakukan aktiviti.</p> <p>5.3.3 Memberikan penghargaan terhadap pendapat dan kelebihan rakan.</p> <p>5.4.1 Bekerjasama melaksanakan aktiviti dalam kumpulan.</p> <p>5.4.2 Menunjukkan kualiti kepimpinan semasa melakukan aktiviti.</p> <p>5.5.1 Melakukan aktiviti dengan semangat kesukanan seperti menerima kekalahan secara positif, mempamerkan permainan bersih, dan semangat juang.</p> <p>5.5.2 Melakukan aktiviti mengikut peraturan yang ditetapkan dengan beretika.</p>

<b>MODUL KEMAHIRAN : GIMNASTIK ASAS</b>	
<b>STANDARD PRESTASI</b>	
<b>TAHAP PENGUASAAN</b>	<b>PERNYATAAN STANDARD PRESTASI</b>
1	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Boleh meniru kemahiran hambur dengan tangan atau kaki dan melakukan layangan.</li> </ul>
2	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Boleh melakukan dan menyatakan cara melombol dan layangan serta melakukan pergerakan tersebut.</li> </ul>
3	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Boleh mengingat semula dan mengaplikasi daya lonjakan dan ketinggian lonjakan yang digunakan semasa melakukan hambur dan melombol.</li> </ul>
4	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Boleh menyatakan dan mengaplikasi daya lonjakan dan ketinggian lonjakan semasa melakukan hambur dan melombol serta layangan dengan lakuan yang betul.</li> </ul>
5	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Boleh mereka cipta rangkaian pergerakan yang melibatkan layangan dan putaran dalam hambur dan melombol.</li> <li>• Boleh melakukan persembahan rangkaian pergerakan yang telah direka cipta.</li> <li>• Boleh melibatkan diri secara aktif dan produktif dalam kumpulan serta berkomunikasi dalam pelbagai cara semasa melakukan aktiviti.</li> </ul>
6	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Boleh membuat justifikasi berdasarkan persembahan rangkaian pergerakan yang telah direka cipta serta mencadangkan penambahbaikan rutin pergerakan tersebut.</li> <li>• Boleh mempamerkan keseronokan, keyakinan serta penghargaan terhadap pendapat dan kelebihan rakan semasa melakukan aktiviti.</li> <li>• Boleh melakukan kemahiran dalam gimnastik sebagai aktiviti untuk meningkatkan kecergasan fizikal.</li> </ul>



**PERGERAKAN BERIRAMA**

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
<b>ASPEK 1: KEMAHIRAN PERGERAKAN (DOMAIN PSIKOMOTOR)</b>	
<p><b>Pergerakan Berirama</b></p> <p>1.2 Melakukan pelbagai corak pergerakan mengikut muzik yang didengar.</p>	<p>1.2.1 Melakukan langkah dalam tarian inang mengikut muzik yang didengar.</p>
<b>ASPEK 2: KEMAHIRAN APLIKASI PENGETAHUAN MENINGKATKAN KECERGASAN (DOMAIN KOGNITIF)</b>	
<p><b>Konsep Pergerakan Berirama.</b></p> <p>2.2 Mengaplikasi pengetahuan konsep pergerakan bagi pergerakan berirama.</p>	<p>2.2.1 Mengenal pasti pergerakan lokomotor, bukan lokomotor , dan konsep pergerakan yang digunakan dalam langkah tarian inang.</p>
<b>ASPEK 5: KESUKANAN (DOMAIN AFEKTIF)</b>	
<p><b>Pengurusan dan Keselamatan</b></p> <p>5.1 Mematuhi dan mengamalkan elemen pengurusan dan keselamatan.</p> <p><b>Tanggungjawab Kendiri</b></p> <p>5.2 Menunjukkan keyakinan dan tanggungjawab sendiri semasa melakukan aktiviti fizikal.</p>	<p>5.1.1 Mengenal pasti peralatan keselamatan yang boleh mengurangkan risiko kecederaan berdasarkan aktiviti fizikal tertentu.</p> <p>5.1.2 Mengenal pasti aktiviti yang selamat dan berisiko semasa melakukan aktiviti secara individu dan berkumpulan.</p> <p>5.2.1 Mengambil bahagian dalam aktiviti secara aktif.</p> <p>5.2.2 Menerima tanggungjawab ahli kumpulan semasa melakukan aktiviti fizikal.</p> <p>5.2.3 Menetapkan matlamat sendiri dalam melakukan aktiviti.</p> <p>5.2.4 Menunjukkan keyakinan semasa melakukan aktiviti fizikal.</p>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
<p><b>Interaksi Sosial</b> 5.3 Berkomunikasi dalam pelbagai cara semasa melakukan aktiviti fizikal.</p> <p><b>Dinamika Kumpulan</b> 5.4 Membentuk kumpulan dan bekerjasama dalam kumpulan semasa melakukan aktiviti fizikal.</p> <p><b>Etika Dalam Sukan</b> 5.5 Memahami dan mengaplikasi etika dalam sukan semasa melakukan aktiviti fizikal.</p>	<p>5.3.1 Berinteraksi secara positif dalam melakukan aktiviti tanpa mengira perbezaan individu.</p> <p>5.3.2 Mempamer keseronokan semasa melakukan aktiviti.</p> <p>5.3.3 Memberikan penghargaan terhadap pendapat dan kelebihan rakan.</p> <p>5.4.1 Bekerjasama melaksanakan aktiviti dalam kumpulan.</p> <p>5.4.2 Menunjukkan kualiti kepimpinan semasa melakukan aktiviti.</p> <p>5.5.1 Melakukan aktiviti dengan semangat kesukanan seperti menerima kekalahan secara positif, mempamerkan permainan bersih, dan semangat juang.</p> <p>5.5.2 Melakukan aktiviti mengikut peraturan yang ditetapkan dengan beretika.</p>



<b>MODUL KEMAHIRAN : PERGERAKAN BERIRAMA</b>	
<b>STANDARD PRESTASI</b>	
<b>TAHAP PENGUASAAN</b>	<b>PERNYATAAN STANDARD PRESTASI</b>
1	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Boleh meniru langkah tarian inang yang ditunjukkan mengikut muzik yang didengar.</li> </ul>
2	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Boleh menyatakan pergerakan lokomotor, bukan lokomotor, dan konsep pergerakan yang digunakan semasa melakukan langkah tarian inang.</li> </ul>
3	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Boleh mengingat dan mengaplikasi konsep pergerakan semasa melakukan langkah tarian inang dan konsep pergerakan mengikut muzik yang didengar.</li> </ul>
4	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Boleh melakukan tarian inang dan rangkaian pergerakan kreatif dengan lakuan yang betul dan seragam mengikut muzik yang didengar.</li> </ul>
5	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Boleh merancang pergerakan tarian dengan mengimprovisasikan langkah tarian inang dan rangkaian pergerakan kreatif mengikut muzik yang didengar dan mempersembahkannya.</li> <li>• Boleh melibatkan diri secara aktif dan produktif dalam kumpulan serta berkomunikasi dalam pelbagai cara semasa melakukan aktiviti.</li> </ul>
6	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Boleh menilai prestasi persembahan kumpulan sendiri dan kumpulan lain serta mencadangkan penambahbaikan persembahan tersebut.</li> <li>• Boleh memberi maklum balas membina dan menerima kritikan secara terbuka terhadap prestasi persembahan kumpulan.</li> <li>• Boleh mempraktikkan pergerakan berirama sebagai aktiviti meningkatkan kecergasan fizikal ke arah gaya hidup sihat untuk kesejahteraan.</li> </ul>



**KEMAHIRAN ASAS PERMAINAN – BOLA BALING (KATEGORI SERANGAN)**

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
<b>ASPEK 1: KEMAHIRAN PERGERAKAN (DOMAIN PSIKOMOTOR)</b>	
<p><b>Kemahiran Asas Bola Baling</b></p> <p>1.3 Melakukan kemahiran asas bola baling dengan lakuan yang betul.</p>	<p>1.3.1 Melakukan pelbagai kemahiran menghantar bola dalam situasi permainan.</p> <p>1.3.2 Melakukan pelbagai kemahiran menangkap bola dalam situasi permainan.</p> <p>1.3.3 Melakukan kemahiran mengadang dalam situasi permainan.</p> <p>1.3.4 Melakukan kemahiran mengacah dalam situasi permainan.</p> <p>1.3.5 Melakukan pelbagai kemahiran menjaring dalam situasi permainan.</p>
<b>ASPEK 2: KEMAHIRAN APLIKASI PENGETAHUAN MENINGKATKAN KECERGASAN (DOMAIN KOGNITIF)</b>	
<p><b>Pengetahuan Dalam kemahiran Asas Bola Baling.</b></p> <p>2.3 Mengaplikasi pengetahuan konsep pergerakan dan prinsip mekanik dalam kemahiran asas bola baling.</p>	<p>2.3.1 Memerihalkan penggunaan daya semasa menghantar bola pada pelbagai jarak dan kelajuan.</p> <p>2.3.2 Menerangkan faktor yang mempengaruhi kemahiran menangkap bola dengan tepat.</p> <p>2.3.3 Menentukan kemahiran mengadang yang sesuai mengikut situasi permainan.</p> <p>2.3.4 Menjelaskan tujuan kemahiran mengacah dalam situasi permainan.</p> <p>2.3.5 Menentukan kemahiran menjaring yang sesuai digunakan berdasarkan situasi permainan.</p>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
<b>ASPEK 5: KESUKANAN (DOMAIN AFEKTIF)</b>	
<p><b>Pengurusan dan Keselamatan</b></p> <p>5.1 Mematuhi dan mengamalkan elemen pengurusan dan keselamatan.</p> <p><b>Tanggungjawab Kendiri</b></p> <p>5.2 Menunjukkan keyakinan dan tanggungjawab sendiri semasa melakukan aktiviti fizikal.</p> <p><b>Interaksi Sosial</b></p> <p>5.3 Berkomunikasi dalam pelbagai cara semasa melakukan aktiviti fizikal.</p> <p><b>Dinamika Kumpulan</b></p> <p>5.4 Membentuk kumpulan dan bekerjasama dalam kumpulan semasa melakukan aktiviti fizikal.</p>	<p>5.1.1 Mengenal pasti peralatan keselamatan yang boleh mengurangkan risiko kecederaan berdasarkan aktiviti fizikal tertentu.</p> <p>5.1.2 Mengenal pasti aktiviti yang selamat dan berisiko semasa melakukan aktiviti secara individu dan berkumpulan.</p> <p>5.2.1 Mengambil bahagian dalam aktiviti secara aktif.</p> <p>5.2.2 Menerima tanggungjawab ahli kumpulan semasa melakukan aktiviti fizikal.</p> <p>5.2.3 Menetapkan matlamat sendiri dalam melakukan aktiviti.</p> <p>5.2.4 Menunjukkan keyakinan semasa melakukan aktiviti fizikal.</p> <p>5.3.1 Berinteraksi secara positif dalam melakukan aktiviti tanpa mengira perbezaan individu.</p> <p>5.3.2 Mempamer keseronokan semasa melakukan aktiviti.</p> <p>5.3.3 Memberikan penghargaan terhadap pendapat dan kelebihan rakan.</p> <p>5.4.1 Bekerjasama melaksanakan aktiviti dalam kumpulan.</p> <p>5.4.2 Menunjukkan kualiti kepimpinan semasa melakukan aktiviti.</p>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
<p><b>Etika Dalam Sukan</b></p> <p>5.5 Memahami dan mengaplikasi etika dalam sukan semasa melakukan aktiviti fizikal.</p>	<p>5.5.1 Melakukan aktiviti dengan semangat kesukanan seperti menerima kekalahan secara positif, mempamerkan permainan bersih, dan semangat juang.</p> <p>5.5.2 Melakukan aktiviti mengikut peraturan yang ditetapkan dengan beretika.</p>

<b>MODUL KEMAHIRAN : BOLA BALING</b>	
<b>STANDARD PRESTASI</b>	
<b>TAHAP PENGUASAAN</b>	<b>PERNYATAAN STANDARD PRESTASI</b>
1	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Boleh melakukan pelbagai kemahiran menghantar, menangkap, mengadang, dan mengacah.</li> </ul>
2	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Boleh melakukan dan menyatakan penggunaan daya semasa menghantar bola pada pelbagai jarak dan kelajuan.</li> <li>• Boleh melakukan dan menyatakan faktor yang mempengaruhi kemahiran menangkap bola.</li> <li>• Boleh melakukan dan menyatakan tujuan kemahiran mengadang dan mengacah.</li> <li>• Boleh melakukan dan menyatakan pelbagai jenis kemahiran menghantar, menangkap, dan menjaring bola.</li> </ul>
3	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Boleh mengingat semula dan mengaplikasi pengetahuan berkaitan penggunaan daya semasa menghantar bola pada pelbagai jarak dan kelajuan.</li> <li>• Boleh mengingat semula dan mengaplikasi pengetahuan berkaitan pelbagai jenis kemahiran menghantar, menangkap dan menjaring dalam situasi permainan.</li> <li>• Boleh mengaplikasi kemahiran mengadang dan mengacah dalam situasi permainan.</li> </ul>
4	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Boleh mengaplikasi pengetahuan berkaitan penggunaan daya semasa menghantar bola pada pelbagai jarak dan kelajuan dengan lakuan yang betul.</li> <li>• Boleh mengaplikasi kemahiran menghantar, menangkap, menjaring, mengadang dan mengacah dengan lakuan yang betul dalam situasi permainan.</li> </ul>
5	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Boleh merancang dan mengenal pasti strategi semasa menyerang dan bertahan dengan menggunakan kemahiran bola baling dalam situasi permainan.</li> <li>• Boleh berkomunikasi dan bekerjasama merancang strategi dalam melakukan serangan dan bertahan semasa bermain.</li> </ul>

<b>MODUL KEMAHIRAN : BOLA BALING</b>	
<b>STANDARD PRESTASI</b>	
<b>TAHAP PENGUASAAN</b>	<b>PERNYATAAN STANDARD PRESTASI</b>
6	<ul style="list-style-type: none"><li>• Boleh membuat justifikasi berdasarkan strategi melakukan serangan dan bertahan serta penambahbaikan untuk meningkatkan prestasi dalam kemahiran bola baling dalam situasi permainan.</li><li>• Boleh mengamalkan langkah-langkah keselamatan semasa melakukan aktiviti serta mengamalkan semangat kesukanan dan permainan bersih (fairplay) dalam permainan.</li></ul>





**KEMAHIRAN ASAS PERMAINAN – RAGBI SENTUH (KATEGORI SERANGAN)**

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
<b>ASPEK 1: KEMAHIRAN PERGERAKAN (DOMAIN PSIKOMOTOR)</b>	
<p><b>Kemahiran Asas Ragbi Sentuh</b></p> <p>1.4 Melakukan kemahiran asas ragbi sentuh dengan lakuan yang betul.</p>	<p>1.4.1 Melakukan pelbagai kemahiran menghantar bola dalam situasi permainan.</p> <p>1.4.2 Melakukan kemahiran menangkap bola pada pelbagai aras dalam situasi permainan.</p> <p>1.4.3 Melakukan kemahiran berlari dan mengacah semasa membawa dan menghantar bola dalam situasi permainan.</p> <p>1.4.4 Melakukan kemahiran <i>try</i> dalam situasi permainan.</p>
<b>ASPEK 2: KEMAHIRAN APLIKASI PENGETAHUAN MENINGKATKAN KECERGASAN (DOMAIN KOGNITIF)</b>	
<p><b>Pengetahuan Dalam Kemahiran Asas Ragbi Sentuh</b></p> <p>2.4 Mengaplikasi pengetahuan konsep pergerakan dan prinsip mekanik dalam kemahiran ragbi sentuh.</p>	<p>2.4.1 Menerangkan lakuan menghantar bola berdasarkan situasi permainan.</p> <p>2.4.2 Memerihal lakuan menangkap bola berdasarkan situasi permainan.</p> <p>2.4.3 Menerangkan kesesuaian antara jarak dengan kemahiran berlari dan mengacah dalam situasi permainan.</p> <p>2.4.4 Menerangkan cara melakukan kemahiran <i>try</i>.</p>
<b>ASPEK 5: KESUKANAN (DOMAIN AFEKTIF)</b>	
<p><b>Pengurusan dan Keselamatan</b></p> <p>5.1 Mematuhi dan mengamalkan elemen pengurusan dan keselamatan.</p>	<p>5.1.1 Mengenal pasti peralatan keselamatan yang boleh mengurangkan risiko kecederaan berdasarkan aktiviti fizikal tertentu.</p> <p>5.1.2 Mengenal pasti aktiviti yang selamat dan berisiko semasa melakukan aktiviti secara individu dan berkumpulan.</p>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
<p>5.2 <b>Tanggungjawab Kendiri</b> Menunjukkan keyakinan dan tanggungjawab sendiri semasa melakukan aktiviti fizikal.</p> <p>5.3 <b>Interaksi Sosial</b> Berkomunikasi dalam pelbagai cara semasa melakukan aktiviti fizikal.</p> <p>5.4 <b>Dinamika Kumpulan</b> Membentuk kumpulan dan bekerjasama dalam kumpulan semasa melakukan aktiviti fizikal.</p> <p>5.5 <b>Etika Dalam Sukan</b> Memahami dan mengaplikasi etika dalam sukan semasa melakukan aktiviti fizikal.</p>	<p>5.2.1 Mengambil bahagian dalam aktiviti secara aktif.</p> <p>5.2.2 Menerima tanggungjawab ahli kumpulan semasa melakukan aktiviti fizikal.</p> <p>5.2.3 Menetapkan matlamat sendiri dalam melakukan aktiviti.</p> <p>5.2.4 Menunjukkan keyakinan semasa melakukan aktiviti fizikal.</p> <p>5.3.1 Berinteraksi secara positif dalam melakukan aktiviti tanpa mengira perbezaan individu.</p> <p>5.3.2 Mempamer keseronokan semasa melakukan aktiviti.</p> <p>5.3.3 Memberikan penghargaan terhadap pendapat dan kelebihan rakan.</p> <p>5.4.1 Bekerjasama melaksanakan aktiviti dalam kumpulan.</p> <p>5.4.2 Menunjukkan kualiti kepimpinan semasa melakukan aktiviti.</p> <p>5.5.1 Melakukan aktiviti dengan semangat kesukanan seperti menerima kekalahan secara positif, mempamerkan permainan bersih, dan semangat juang.</p> <p>5.5.2 Melakukan aktiviti mengikut peraturan yang ditetapkan dengan beretika.</p>

MODUL KEMAHIRAN : RAGBI SENTUH	
STANDARD PRESTASI	
TAHAP PENGUASAAN	PERNYATAAN STANDARD PRESTASI
1	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Boleh meniru dan melakukan kemahiran menghantar, menangkap bola, berlari, mengacah dan <i>try</i>.</li> </ul>
2	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Boleh melakukan kemahiran menghantar, menangkap bola, mengacah dan <i>try</i> dalam situasi permainan.</li> <li>• Boleh menyatakan lakuan menghantar, menangkap bola dan <i>try</i>.</li> </ul>
3	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Boleh mengingat dan mengaplikasikan lakuan menghantar, menangkap bola, mengacah dan <i>try</i> dalam situasi permainan.</li> <li>• Boleh menyatakan kesesuaian menggunakan kemahiran berlari dan mengacah dengan jarak dalam situasi permainan.</li> </ul>
4	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Boleh mengingat dan mengaplikasikan lakuan menghantar, menangkap bola, mengacah dan <i>try</i> dengan lakuan yang betul dalam situasi permainan.</li> <li>• Boleh menerangkan perkaitan antara penggunaan daya semasa menghantar bola dengan jarak dan kelajuan hantaran.</li> </ul>
5	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Boleh merancang dan mengenal pasti strategi semasa menyerang dan bertahan dengan menggunakan kemahiran asas ragbi sentuh dalam situasi permainan.</li> <li>• Boleh mengaplikasikan etika dalam sukan semasa bermain ragbi sentuh.</li> </ul>
6	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Boleh membuat justifikasi berdasarkan strategi menyerang dan bertahan serta penambahbaikan untuk meningkatkan prestasi dalam kemahiran ragbi sentuh dalam situasi permainan.</li> <li>• Boleh berkomunikasi dan bekerjasama semasa membuat justifikasi terhadap strategi menyerang dan bertahan dalam kumpulan.</li> <li>• Boleh bermain ragbi sentuh sebagai amalan gaya hidup sihat untuk meningkatkan kecergasan fizikal.</li> </ul>



**KEMAHIRAN ASAS PERMAINAN – SEPAK TAKRAW (KATEGORI JARING)**

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
<b>ASPEK 1: KEMAHIRAN PERGERAKAN (DOMAIN PSIKOMOTOR)</b>	
<p><b>Kemahiran Asas Sepak Takraw</b></p> <p>1.5 Melakukan kemahiran asas sepak takraw dengan lakuan yang betul.</p>	<p>1.5.1 Melakukan kemahiran servis sila dan servis kuda.</p> <p>1.5.2 Melakukan kemahiran menerima servis dengan menggunakan bahagian kaki, paha, dan kepala.</p> <p>1.5.3 Melakukan kemahiran menyerang yang melibatkan menimang, mengumpun, melibas, dan menanduk dalam situasi permainan.</p> <p>1.5.4 Melakukan kemahiran bertahan yang melibatkan kemahiran mengadang, sepak sila, sepak kuda, dan menanduk dalam situasi permainan.</p>
<b>ASPEK 2: KEMAHIRAN APLIKASI PENGETAHUAN MENINGKATKAN KECERGASAN (DOMAIN KOGNITIF)</b>	
<p><b>Pengetahuan Dalam Kemahiran Asas Sepak Takraw.</b></p> <p>2.5 Mengaplikasi pengetahuan konsep pergerakan dan prinsip mekanik dalam kemahiran sepak takraw.</p>	<p>2.5.1 Membezakan tempat kontak bola pada kaki semasa melakukan servis kuda dan servis sila.</p> <p>2.5.2 Menghuraikan lakuan semasa menerima servis dengan menggunakan bahagian kaki, paha, dan kepala.</p> <p>2.5.3 Menentukan kemahiran menyerang yang sesuai digunakan dalam situasi permainan.</p> <p>2.5.4 Memuat justifikasi pemilihan kemahiran bertahan yang sesuai digunakan dalam situasi permainan.</p>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
<b>ASPEK 5: KESUKANAN (DOMAIN AFEKTIF)</b>	
<p><b>Pengurusan dan Keselamatan</b></p> <p>5.1 Mematuhi dan mengamalkan elemen pengurusan dan keselamatan.</p> <p><b>Tanggungjawab Kendiri</b></p> <p>5.2 Menunjukkan keyakinan dan tanggungjawab sendiri semasa melakukan aktiviti fizikal.</p> <p><b>Interaksi Sosial</b></p> <p>5.3 Berkomunikasi dalam pelbagai cara semasa melakukan aktiviti fizikal.</p> <p><b>Dinamika Kumpulan</b></p> <p>5.4 Membentuk kumpulan dan bekerjasama dalam kumpulan semasa melakukan aktiviti fizikal.</p>	<p>5.1.1 Mengenal pasti peralatan keselamatan yang boleh mengurangkan risiko kecederaan berdasarkan aktiviti fizikal tertentu.</p> <p>5.1.2 Mengenal pasti aktiviti yang selamat dan berisiko semasa melakukan aktiviti secara individu dan berkumpulan.</p> <p>5.2.1 Mengambil bahagian dalam aktiviti secara aktif.</p> <p>5.2.2 Menerima tanggungjawab ahli kumpulan semasa melakukan aktiviti fizikal.</p> <p>5.2.3 Menetapkan matlamat sendiri dalam melakukan aktiviti.</p> <p>5.2.4 Menunjukkan keyakinan semasa melakukan aktiviti fizikal.</p> <p>5.3.1 Berinteraksi secara positif dalam melakukan aktiviti tanpa mengira perbezaan individu.</p> <p>5.3.2 Mempamer keseronokan semasa melakukan aktiviti.</p> <p>5.3.3 Memberikan penghargaan terhadap pendapat dan kelebihan rakan.</p> <p>5.4.1 Bekerjasama melaksanakan aktiviti dalam kumpulan.</p> <p>5.4.2 Menunjukkan kualiti kepimpinan semasa melakukan aktiviti.</p>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
<p><b>Etika Dalam Sukan</b></p> <p>5.5 Memahami dan mengaplikasi etika dalam sukan semasa melakukan aktiviti fizikal.</p>	<p>5.5.1 Melakukan aktiviti dengan semangat kesukanan seperti menerima kekalahan secara positif, mempamerkan permainan bersih, dan semangat juang.</p> <p>5.5.2 Melakukan aktiviti mengikut peraturan yang ditetapkan dengan beretika.</p>

<b>MODUL KEMAHIRAN : SEPAK TAKRAW</b>	
<b>STANDARD PRESTASI</b>	
<b>TAHAP PENGUASAAN</b>	<b>PERNYATAAN STANDARD PRESTASI</b>
1	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Boleh meniru dan melakukan kemahiran servis sila dan servis kuda.</li> <li>• Boleh meniru dan melakukan kemahiran menimang dalam permainan sepak takraw.</li> </ul>
2	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Boleh melakukan dan menyatakan tempat kontak bola semasa servis sila dan servis kuda.</li> <li>• Boleh melakukan dan menyatakan lakuan serap daya semasa menerima servis dengan menggunakan bahagian kaki, paha dan kepala.</li> <li>• Boleh melakukan dan mengenal pasti kemahiran menyerang dan kemahiran bertahan yang sesuai dalam situasi permainan.</li> </ul>
3	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Boleh mengingat semula dan mengaplikasi tempat kontak bola yang sesuai semasa servis sila dan servis kuda.</li> <li>• Boleh mengingat semula dan mengaplikasi pengetahuan serap daya semasa menerima servis dengan menggunakan bahagian kaki, paha, atau kepala dalam situasi permainan.</li> <li>• Boleh mengaplikasi kemahiran menyerang dan kemahiran bertahan yang sesuai berdasarkan situasi permainan.</li> </ul>
4	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Boleh mengaplikasi pengetahuan tempat kontak bola yang sesuai semasa servis sila dan servis kuda dengan lakuan yang betul.</li> <li>• Boleh mengaplikasikan pengetahuan serap daya semasa menerima servis menggunakan bahagian kaki, paha, atau kepala dengan lakuan yang betul dalam situasi permainan.</li> <li>• Boleh mengaplikasikan kemahiran menyerang dan kemahiran bertahan yang sesuai dengan lakuan yang betul berdasarkan situasi permainan.</li> </ul>
5	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Boleh merancang dan mengenal pasti strategi semasa servis, menyerang, dan bertahan dalam situasi permainan.</li> <li>• Boleh berkomunikasi dalam pelbagai cara dan bekerjasama dalam merancang dan melaksanakan strategi semasa bermain.</li> </ul>
6	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Boleh menilai keberkesanan strategi servis, menyerang, dan bertahan yang telah digunakan serta membuat penambahbaikan untuk meningkatkan penguasaan kemahiran dalam situasi permainan.</li> <li>• Boleh mengaplikasi etika dalam sukan semasa bermain sepak takraw.</li> <li>• Boleh bermain sepak takraw sebagai amalan gaya hidup sihat untuk meningkatkan kecergasan fizikal.</li> </ul>



**KEMAHIRAN ASAS PERMAINAN – KRIKET (KATEGORI MEMADANG)**

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
<b>ASPEK 1: KEMAHIRAN PERGERAKAN (DOMAIN PSIKOMOTOR)</b>	
<p><b>Kemahiran Asas Kriket</b></p> <p>1.6 Melakukan kemahiran asas kriket dengan lakuan yang betul.</p>	<p>1.6.1 Melakukan pelbagai kemahiran memukul bola dalam situasi permainan.</p> <p>1.6.2 Melakukan kemahiran larian dalam situasi permainan.</p> <p>1.6.3 Melakukan pelbagai kemahiran menahan bola dalam situasi permainan.</p> <p>1.6.4 Melakukan kemahiran memadam yang melibatkan membaling dan menangkap bola pada pelbagai aras dan arah dalam situasi permainan.</p> <p>1.6.5 Melakukan pelbagai kemahiran boling dalam situasi permainan.</p> <p>1.6.6 Melakukan kemahiran menjaga wicket dalam situasi permainan.</p>
<b>ASPEK 2: KEMAHIRAN APLIKASI PENGETAHUAN MENINGKATKAN KECERGASAN (DOMAIN KOGNITIF)</b>	
<p><b>Pengetahuan Dalam Kemahiran Asas Kriket</b></p> <p>2.6 Mengaplikasi pengetahuan konsep pergerakan dan prinsip mekanik dalam kemahiran asas kriket.</p>	<p>2.6.1 Memerihalkan tentang pemindahan daya semasa melakukan pelbagai kemahiran memukul bola.</p> <p>2.6.2 Menjelaskan kepentingan kelajuan semasa berlari antara wicket.</p> <p>2.6.3 Memerihalkan peranan penyerapan daya semasa melakukan kemahiran menahan.</p> <p>2.6.4 Mengenal pasti lakuan yang sesuai semasa membaling dan menangkap bola dalam situasi permainan.</p> <p>2.6.5 Menjelaskan kepentingan ketinggian pelepasan bola semasa boling.</p> <p>2.6.6 Mengenal pasti posisi yang sesuai semasa menjaga wicket dalam situasi permainan.</p>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
<b>ASPEK 5: KESUKANAN (DOMAIN AFEKTIF)</b>	
<p><b>Pengurusan dan Keselamatan</b></p> <p>5.1 Mematuhi dan mengamalkan elemen pengurusan dan keselamatan.</p> <p><b>Tanggungjawab Kendiri</b></p> <p>5.2 Menunjukkan keyakinan dan tanggungjawab sendiri semasa melakukan aktiviti fizikal.</p> <p><b>Interaksi Sosial</b></p> <p>5.3 Berkomunikasi dalam pelbagai cara semasa melakukan aktiviti fizikal.</p> <p><b>Dinamika Kumpulan</b></p> <p>5.4 Membentuk kumpulan dan bekerjasama dalam kumpulan semasa melakukan aktiviti fizikal.</p>	<p>5.1.1 Mengenal pasti peralatan keselamatan yang boleh mengurangkan risiko kecederaan berdasarkan aktiviti fizikal tertentu.</p> <p>5.1.2 Mengenal pasti aktiviti yang selamat dan berisiko semasa melakukan aktiviti secara individu dan berkumpulan.</p> <p>5.2.1 Mengambil bahagian dalam aktiviti secara aktif.</p> <p>5.2.2 Menerima tanggungjawab ahli kumpulan semasa melakukan aktiviti fizikal.</p> <p>5.2.3 Menetapkan matlamat sendiri dalam melakukan aktiviti.</p> <p>5.2.4 Menunjukkan keyakinan semasa melakukan aktiviti fizikal.</p> <p>5.3.1 Berinteraksi secara positif dalam melakukan aktiviti tanpa mengira perbezaan individu.</p> <p>5.3.2 Mempamer keseronokan semasa melakukan aktiviti.</p> <p>5.3.3 Memberikan penghargaan terhadap pendapat dan kelebihan rakan.</p> <p>5.4.1 Bekerjasama melaksanakan aktiviti dalam kumpulan.</p> <p>5.4.2 Menunjukkan kualiti kepimpinan semasa melakukan aktiviti.</p>

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
<p><b>Etika Dalam Sukan</b></p> <p>5.5 Memahami dan mengaplikasi etika dalam sukan semasa melakukan aktiviti fizikal.</p>	<p>5.5.1 Melakukan aktiviti dengan semangat kesukanan seperti menerima kekalahan secara positif, mempamerkan permainan bersih, dan semangat juang.</p> <p>5.5.2 Melakukan aktiviti mengikut peraturan yang ditetapkan dengan beretika.</p>

<b>MODUL KEMAHIRAN : KRIKET</b>	
<b>STANDARD PRESTASI</b>	
<b>TAHAP PENGUASAAN</b>	<b>PERNYATAAN STANDARD PRESTASI</b>
1	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Boleh memukul bola, dan menahan bola dalam situasi permainan.</li> <li>• Boleh membaling, menangkap bola dan boling dalam situasi permainan.</li> <li>• Boleh mengenal pasti lakuan membaling dan menangkap bola yang sesuai dalam situasi permainan.</li> </ul>
2	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Boleh melakukan kemahiran larian antara wicket, menjaga wicket, memukul dan menahan bola dalam permainan kriket.</li> <li>• Boleh menerangkan serapan daya semasa melakukan kemahiran menahan bola.</li> <li>• Boleh menyatakan posisi yang sesuai menjaga wicket dan kepentingan kelajuan semasa berlari antara wicket.</li> </ul>
3	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Boleh mengaplikasikan konsep pemindahan daya semasa memukul dan menahan bola dalam situasi permainan.</li> <li>• Boleh mengaplikasikan ketinggian sudut pelepasan bola semasa boling dalam situasi permainan.</li> </ul>
4	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Boleh mengaplikasikan pengetahuan berkaitan pemindahan daya, ketinggian sudut pelepasan bola, kelajuan larian antara wicket dan serapan daya semasa melakukan kemahiran asas kriket dengan laluan yang betul dalam situasi permainan.</li> </ul>
5	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Boleh merancang strategi untuk memukul bagi mendapatkan larian dan strategi membaling bagi menghalang pemukul mendapatkan larian dalam situasi permainan.</li> <li>• Boleh bermain permainan kecil kriket dengan mengaplikasikan strategi yang telah dirancang dengan lakuan yang betul.</li> <li>• Boleh mematuhi dan mengamalkan elemen pengurusan dan keselamatan semasa bermain permainan kriket.</li> </ul>
6	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Boleh menilai keberkesanan strategi untuk mendapatkan larian dan menghalang pasukan lawan mendapat larian serta penambahbaikan untuk meningkatkan penguasaan kemahiran kriket dalam situasi permainan.</li> <li>• Boleh berkomunikasi dalam pelbagai cara semasa mendapatkan pandangan ahli kumpulan terhadap keberkesanan strategi kumpulan.</li> <li>• Boleh bermain kriket sebagai amalan gaya hidup sihat untuk meningkatkan kecergasan fizikal.</li> </ul>

**OLAHRAGA ASAS**

STANDARD KANDUNGAN	STANDARD PEMBELAJARAN
<b>ASPEK 1: KEMAHIRAN PERGERAKAN (DOMAIN PSIKOMOTOR)</b>	
